

Headline	<b>Akademi sedia RM50,000 geran penyelidikan sembilan IPTA</b>
Date	<b>08. Sep 2008</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Pendidikan</b>
Circulation	<b>217920</b>
Readership	<b>2083000</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>17</b>
Article Size	<b>197 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>
AdValue	<b>3500.81</b>



## Akademi sedia RM50,000 geran penyelidikan sembilan IPTA

**S**ELARAS dengan teras ketiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi, Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept) tidak ketinggalan menggiatkan kegiatan penyelidikan dan inovasi menerusi penubuhan Pusat Penyelidikan Kepimpinan Akept.

Penubuhan pusat itu antara lain bertujuan mencari kaedah dan inovasi baru dalam pelbagai aspek berkaitan latihan kepimpinan, pengajaran dan pembelajaran, selain berperanan sebagai penyedia geran penyelidikan kepada penyelidik berkelayakan.

Timbalan Pengarahnya, Prof Dr Rohana Yusof, (gambar) berkata sebagai permulaan, pusat itu memperuntukkan RM50,000 setahun sebagai geran penyelidikan kepimpinan kepada sembilan penyelidik dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan agensi berkaitan, tahun ini.

Katanya, penyelidik terpilih adalah tiga dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dua,



dan masing-masing seorang dari Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti.

"Pemberian itu sebahagian insentif tambahan Akept bagi menggalakkan pembabitan pelbagai pihak dalam kegiatan penyelidikan berteraskan kepimpinan.

"Kita melihat keperluan penyelidikan sebagai kaedah utama bagi penemuan pelbagai bidang ilmu pengetahuan baru yang mampu

membantu meningkatkan aspek kepimpinan universiti di negara ini.

"Justeru, geran ini diwujudkan untuk menggalakkan penerokaan idea serta teori yang mampu menjadi pemangkin penemuan baru, perkembangan ilmu dan penciptaan yang inovatif serta terkini.

"Kita menerima 49 permohonan dan pemilihan penyelidik dibuat berdasarkan kekuatan serta impak projek terbabit terhadap pembangunan kepimpinan di IPTA," katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Rohana berkata, pemilihan turut mengambil kira keaslian projek, selain maklum balas panel penilai yang diketuai Pengarah Akept, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin.

Katanya, tiga penyelidik UiTM yang menerima geran itu ialah Dr Nik Maheran Nik Muhammad dengan penyelidikan Decision Making Quality of Higher Education Institution Leaders: Relationships to Leadership Style, Process Management and Competitive Intensity.

Seterusnya Prof Madya Dr Zaini Abdullah (Creating Talent Pool in Succession Planning for Effective Academic Manager Selection) dan

Raja Suzana Raja Kasim (Strategies in Developing Future Transformational Leadership among Academia of public and Private Institutional of Higher Learning of Malaysia).

Katanya, dua penyelidik Unimas bertajuk New Leadership, Leader-member Exchange and Commitment to Change: The Case of Higher Education in Malaysia and Relationships between Leadership Behaviors, University Culture and Leaderships Effectiveness in Malaysian Universities, masing-masing oleh Dr Lo May Chiun dan Prof Madya Dr Hong Kian Sam turut terpilih.

Dua lagi penyelidik yang layak katanya, Dr Rozilini M Fernandes-Chung dari MQA dan Dr Abdul Rahim Ahmad (Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti), masing-masing menerusi penyelidikan A Study of Leadership Accountability in the Implementation of Policies at Institution of Higher Education in Malaysia and The Future Context and Shape of Leadership, Governance and Management in Malaysian Higher Education Institutions Focusing on Polytechnics and Community Colleges.